
TAHAP PENGETAHUAN GURU TADIKA TERHADAP KEMAHIRAN SOSIAL UNTUK KANAK-KANAK: SATU ANALISIS KEPERLUAN

Mohamad Albaree Abdul¹, Zaharah Osman², Saedah Siraj³, Hazhari Ismail⁴

Jabatan Pendidikan awal kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia
E-mail: albaree@fpm.upsi.edu.my, zaharah@fpm.upsi.edu.my, hazhari@fpm.upsi.edu.my

Jabatan Kurikulum dan Teknologi Instruksional, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
E-mail: saedah@um.edu.my

Abstrak

Kemahiran sosial merupakan salah satu kemahiran yang dianggap penting dalam kehidupan kanak-kanak. Hal ini kerana, pembentukan kemahiran sosial diperingkat awal dapat membantu kanak-kanak dalam menghadapi pelbagai situasi sosial dalam kehidupan mereka. Di Tadika, guru merupakan insan yang memainkan peranan penting dalam membina kemahiran sosial kanak-kanak. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak. Kajian tinjauan bersifat deskriptif ini adalah berdasarkan satu set borang soal selidik yang melibatkan 120 orang guru tadika di sekitar negeri Negeri Selangor. Data maklum balas yang diperolehi akan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 untuk melihat peratusan, skor min, dan juga sisihan piawai. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan guru tadika berkenaan dengan kemahiran sosial untuk kanak-kanak masih berada di tahap yang sederhana ($M= 3.48$, $SP=1.04$). Kesimpulannya, kajian ini memberikan gambaran tentang tahap pengetahuan guru tadika terhadap kemahiran sosial untuk kanak-kanak yang dilihat sangat membimbangkan dan perlu membuat penambahbaikan yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut.

Kata kunci : *Kemahiran sosial; Pengetahuan; Kanak-kanak*
